

21 MAY 2003

Pakej-Reaksi (Cuepacs)

BONUS, KADAR FAEDAH RENDAH PINJAMAN LANGKAH POSITIF

KUALA LUMPUR, 21 Mei (Bernama) -- Cuepacs menyifatkan pembayaran bonus setengah bulan gaji kepada kakitangan kerajaan bulan depan dan pengurangan kadar faedah untuk pinjaman perumahan sebagai langkah positif untuk membolehkan rakyat khususnya kakitangan awam berbelanja dengan berhemah.

Setiausaha Agung Cuepacs Datuk N. Sivasubramaniam berkata secara keseluruhan pakej strategi memantapkan pertumbuhan ekonomi yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempunyai pelbagai aspek yang menguntungkan semua rakyat.

"Bagi kakitangan kerajaan itu sendiri, pakej yang antara lain memberi setengah bulan bonus itu sebagai satu langkah yang positif untuk menjamin kakitangan belanja.

"Penyediaan kredit tambahan untuk projek perumahan, pengurangan faedah ke atas pinjaman perumahan pada tahun pertama akan membantu kakitangan kerajaan khususnya yang berpendapatan rendah," katanya mengenai pakej ekonomi itu, ketika dihubungi di sini hari ini.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan mengumumkan pakej strategi baru bernilai RM7.3 bilion untuk membantu negara menghadapi ketidakpastian global dan membantu sektor-sektor yang terjejas berikutan wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS) serta peperangan di Iraq.

Sivasubramaniam berkata pakej itu mengandungi tindakan komprehensif yang bukan sahaja menumpukan kepada bidang ekonomi tetapi juga aspek sosial rakyat.

Katanya pakej yang turut mengandungi langkah-langkah spesifik untuk membendung kesan wabak SARS, meningkatkan tahap kesihatan rakyat melalui peruntukan bagi menjaga kebersihan dan penyelidikan kanser membuktikan keprihatinan kerajaan terhadap rakyat.

Mengenai pengurangan caruman pekerja bagi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) daripada 11 peratus kepada sembilan peratus, beliau berkata ia akan membantu pekerja mempunyai lebih tunai untuk berbelanja.

Sambil menyatakan ia satu langkah yang harus dilihat secara positif, Sivasubramaniam berkata langkah sedemikian turut dilaksanakan oleh negara lain bagi tujuan merangsangkan aktiviti ekonomi.

Beliau, bagaimanapun, mengingatkan supaya kerajaan lebih tegas dengan tidak memberi pilihan kepada pekerja bagi pengurangan caruman KWSP, yang pernah dilaksanakan selama setahun pada April 2001 hingga April tahun lepas.

DI SEREMBAN, Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad menyifatkan pemberian bonus setengah bulan gaji kepada kakitangan awam sebagai langkah yang amat mesra rakyat bagi meningkatkan daya beli.

Beliau turut memuji 90 langkah yang digariskan Perdana Menteri itu, kerana ia membuktikan kerajaan sentiasa peka terhadap keadaan ekonomi global yang memberi kesan kepada ekonomi negara.

"Kita berharap dengan langkah awal yang dibuat kerajaan ini, ia dapat memacu pertumbuhan ekonomi dengan lebih baik kerana pertumbuhannya sedikit terjejas akibat wabak SARS dan perang di Iraq," katanya.

Beliau meminta rakyat menyokong penuh langkah yang diambil oleh kerajaan itu demi kepentingan dan pertumbuhan ekonomi negara.

Beliau turut mengingatkan rakyat supaya sentiasa mengukuhkan perpaduan antara kaum kerana tanpa perpaduan kaum yang jitu, sukar untuk negara kekal aman dan maju.

-- BERNAMA

APG RHM